



METAFORA KEMURUNGAN DALAM KALANGAN PESAKIT KECELARUAN KEMURUNGAN MAJOR BERDASARKAN PERSPEKTIF KOGNITIF DAN WACANA



SALIHAH BINTI AB PATAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



**METAFORA KEMURUNGAN DALAM KALANGAN PESAKIT KECELARUAN
KEMURUNGAN MAJOR BERDASARKAN PERSPEKTIF KOGNITIF DAN
WACANA**

SALIAHAH BINTI AB PATAH

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 (hari bulan) 8 (bulan) 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, SALIHAN BT AB PATAH, P2019100D479 8FBK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk METAFORA KEMURUNGAN DALAM KALANGAN PESAKIT KECELARUAN KEMURUNGAN MAJOR BERDASARKAN PERSPEKTIF KOGNITIF DAN WACANA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PM DR. NORLIZA JAMALUDDIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk METAFORA KEMURUNGAN DALAM KALANGAN PESAKIT KECELARUAN KEMURUNGAN MAJOR BERDASARKAN PERSPEKTIF KOGNITIF DAN WACANA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

21 OGOS 2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

**METAFORA KEMURUNGAN DALAM KALANGAN
PESAKIT KECELARUAN KEMURUNGAN MAJOR
BERDASARKAN PERSPEKTIF KOGNITIF DAN WACANA**

No. Matrik / Matric's No.:

P20191000479

Saya / I :

SALIHAN BT AB PATAH

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh:

21 Ogos 2024

(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi/ Name & Official Stamp)

**PROF. MADYAR NORRIZA BAKI
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim
Perak**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, “Maha Suci Engkau (Ya Allah), kami tidak mempunyai pengetahuan selain daripada apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya, Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (surah al-Baqarah, ayat 32). Dengan keizinan dan rahmat-Mu, tesis ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Sesungguhnya, Engkaulah pemberi rezeki yang terbaik.

Guru ibarat lilin. Begitulah ungkapan yang dapat saya gambarkan terhadap penyelia utama saya, iaitu Prof. Madya Dr. Norliza binti Jamaluddin. Susunan kata-katanya yang indah mampu melunakkan hati yang keras, mendinginkan amarah yang membara, meredakan hati yang sedang dirundung kesedihan, menyegarkan jiwa yang penuh kelemahan dan membangkitkan semangat untuk menyiapkan tesis ini. Beliau adalah sumber inspirasi. Benarlah kata orang, guru ibarat pelita. Penerang dalam gelita. Jasanya tiada tara.

Menjalankan kerja-kerja lapangan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Kuala Lumpur tidak mudah tanpa bantuan pakar psikiatri yang turut merangkap jawatan sebagai penyelia kedua saya, iaitu Prof. Madya Dr. Ng Chong Guan. Pengalaman bekerjasama dengan beliau dan kakitangan PPUM amat saya hargai. Sekalung penghargaan juga saya berikan kepada 38 orang pesakit Kecelaruhan Episod Kemurungan Major (MDD) kerana sudi untuk ditemu bual. Tanpa mereka, tesis ini tidak bermakna.

Secara teknikalnya, penghasilan tesis ini juga turut dibantu oleh orang perseorangan. Oleh itu, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Noor Atiqah binti Atan. Segala ilmu yang diberikan dan masa yang diluangkan tidak dapat saya lupakan. Tidak lupa juga kepada mana-mana individu yang terlibat dalam pembikinan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih saya ucapkan.

Setiap kejayaan memerlukan pengorbanan. Setiap pengorbanan memerlukan keredaan. Tanpa reda suami, tanpa restu arwah mak ayah dan tanpa doa anak-anak, tidak mungkin tesis ini dapat disiapkan. Buat suamiku, Ajmain bin Md Nadzar dan tiga orang cahaya mataku, Nurul Hani Hidayah, Nukman Iman dan Nurul Ain Arissa, terima kasih kerana sentiasa di sisi. Sesungguhnya, kasih sayang menjadi penawar duka. Kata-kata semangat menghilangkan resah dan gelisah. Sekalung penghargaan saya gambarkan melalui pantun di bawah;

Anak ikan berlima-lima,
Mati ditimpa punggur berdaun;
Kasih tuan saya terima,
Sebagai hutang seribu tahun.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis metafora kemurungan dalam kalangan pesakit Kecelaruhan Episod Kemurungan Major (MDD) berdasarkan perspektif kognitif dan wacana yang dibangunkan oleh Lakoff dan Johnson (1980) dan Cameron et al. (2010). Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah kualitatif menerusi kajian kes yang memfokuskan 38 orang pesakit MDD di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Dengan membangunkan korpus berpandu, iaitu perisian WordSmith 8.0, data temu bual dengan melibatkan sejumlah 65,594 perkataan telah dianalisis. Prosedur Pengenalpastian Metafora (IMP) yang dicadangkan oleh Kumpulan Pragglejazz (2007) digunakan untuk mengenal pasti ungkapan metafora kemurungan tanpa mengikut gerak hati. Dapatan kajian menunjukkan bahawa metafora kemurungan yang dikenal pasti menghasilkan 26 pola, iaitu 16 pola adalah dari perspektif kognitif manakala 10 pola adalah dari perspektif wacana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa metafora konsepsi GANGGUAN KEMURUNGAN IALAH KEJATUHAN mempunyai peratusan yang paling tinggi berbanding dengan set metafora yang lain. Kedua, konsep kemurungan melalui perspektif wacana dapat merangka pemikiran pesakit kemurungan dan masyarakat sekeliling sehingga membentuk empat set metafora sistematik, iaitu *HIDUP DENGAN KEMURUNGAN IALAH PERANG MELAWAN EMOSI DAN TAKDIR ILAHI*, *PERSEPSI PESAKIT KEMURUNGAN TERHADAP STIGMA MASYARAKAT IALAH PERSEPSI NEGATIF TERHADAP ISLAM*, *TINDAKAN TIDAK RASIONAL IALAH EMOSI TIDAK STABIL* dan *KEFAHAMAN TERHADAP KONSEP TAKDIR IALAH PEMIKIRAN STABIL*. Kesimpulan kajian ini ialah metafora kemurungan dalam kalangan pesakit MDD dipetakan secara sistematik. Implikasi kajian memberi impak dalam penghasilan data korpus lisan yang dapat meningkatkan kebolehpercayaan untuk digunakan sebagai produk penyelidikan bahasa. Kajian metafora yang merentas disiplin linguistik dapat membantu pakar psikiatri, psikoterapi dan kaunselor untuk meningkatkan kecekapan komunikasi dalam sesi terapi, terutamanya yang melibatkan pesakit mental.





METAPHORS OF DEPRESSION AMONG PATIENTS WITH MAJOR DEPRESSIVE DISORDER IS BASED ON COGNITIVE AND DISCOURSE PERSPECTIVES

ABSTRACT

This study aims to analyze the metaphoric expression of depression among patients with Major Depressive Disorder (MDD) based on the cognitive and discourse perspectives developed by Lakoff and Johnson (1980) and Cameron et al. (2010). The design of this study is a qualitative method through a case study focusing on 38 MDD patients at the University of Malaya Medical Center (PPUM). By developing a DIY-do it yourself corpus, the transcribed interview data reached 65,594 words were analysed using the WordSmith 8.0 software. The Identification Metaphor Procedure (IMP) proposed by the Praggeljaz Group (2007) was also applied to identify metaphorical expressions of depression without following intuition. Findings show that the depression metaphorical identified produce 26 patterns whereby 16 patterns were perspectives cognitive and 10 patterns were discourse perspective. The findings of the study show that the first conceptual metaphor DEPRESSION DISORDER IS A FALL has the highest percentage compared to other sets of metaphors. Second, depressive concept through a discourse perspective can frame the thinking of depression patients and the surrounding community to form four sets of systematic metaphors, namely *LIVING WITH DEPRESSION IS A WAR AGAINST EMOTIONS AND DIVINE DESTINY*, *DEPRESSION PATIENTS' PERCEPTION OF SOCIETY'S STIGMA IS A NEGATIVE PERCEPTION OF ISLAM*, *IRRATIONAL ACTIONS ARE UNSTABLE EMOTIONS* and *UNDERSTANDING OF THE CONCEPT OF DESTINY IS STABLE THINKING*. It can be concluded that the analysis of metaphoric expression of depression among patients with MDD is systematically mapped. The implication of the study is the size of the oral corpus data developed can increase the reliability to be used as a language product for linguistic research through various approaches and theories. In addition, the study of metaphors that employ cross linguistic disciplines can help psychiatrists, psychotherapists and counselors to improve communication efficiency in therapy sessions, especially those involving mental patients.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xx
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Objektif Kajian	18
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Kerangka Teoretikal Kajian	19
1.7 Definisi Operasional	22
1.7.1 Metafora	23
1.7.2 Kemurungan	25
1.8 Batasan Kajian	27



1.9	Kepentingan Kajian	29
1.10	Kesimpulan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	31
2.2	Kajian Metafora Melayu	32
2.2.1	Kajian Metafora Melayu Sebelum Tahun 1980	36
2.2.2	Kajian Metafora Melayu Selepas Tahun 1980 Hingga Tahun 1999	39
2.2.3	Kajian Metafora Melayu Selepas Tahun 2000 Hingga Kini	44
2.3	Kajian Metafora Kemurungan	53
2.3.1	Konsep Kemurungan dari Perspektif Kognitif	56
2.3.2	Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM)	67
2.3.3	Pendekatan Data korpus	76
2.4	Kajian Metafora Berdasarkan Perspektif Wacana	81
2.5	Kajian Metafora Berdasarkan Perspektif Kognitif dan Wacana	92
2.6	Kajian Metafora Berbantuan Data Korpus	96
2.7	Kesimpulan	98

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	100
3.2	Reka Bentuk Kajian	101
3.3	Protokol dan Etika Penyelidikan	102
3.3.1	Protokol Kajian	105
3.3.2	Persetujuan Termaklum	106
3.3.3	Kerahsiaan Pesakit	107

3.3.4	Strategi Menjaga Keselamatan	107
3.3.5	Rakaman Temu Bual	108
3.3.6	Mentranskrip Data Temu Bual	108
3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	109
3.4.1	Kebolehpercayaan Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM)	109
3.4.2	Kebolehpercayaan Data Korpus yang Dibina Sendiri	113
3.5	Pendekatan Data Korpus Pengkomputeran	117
3.5.1	Pembinaan Data Korpus Sendiri (<i>DIY - do it yourself corpus</i>)	118
3.5.2	Kajian Rintis	120
3.5.3	Saiz Data Korpus Lisan	124
3.5.4	Perisian <i>WordSmith</i> 8.0	125
3.5.5	Pemilihan Kata Kunci pada Baris Konkordans	128
3.6	Cara Menganalisis Data	130
3.7	Cara Memproses Data	131
3.8	Kesimpulan	135

BAB 4 KERANGKA TEORETIKAL KAJIAN

4.1	Pendahuluan	136
4.2	Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM)	137
4.2.1	Ketetapan Prosedur Pengenalpastian Metafora	148
4.3	Perspektif Kognitif	153
4.3.1	Teori Metafora Konsepsi (TMK)	155
4.3.1.1	Metafora Konsepsi Orientasi	160
4.3.1.2	Metafora Konsepsi Ontologi	162

4.3.1.3	Metafora Konsepsi Struktural	163
4.3.2	Skema Imej	165
4.3.2.1	Skema Imej Atas-Bawah	167
4.3.2.2	Skema Imej Bekas	169
4.3.2.3	Skema Imej Cerah-Gelap	171
4.3.2.4	Skema Imej Jauh-Dekat	173
4.3.3	Pemetaan Metafora Konsepsi	174
4.4	Perspektif Wacana	178
4.4.1	Metafora Linguistik	180
4.4.2	Metafora Sistematis	190
4.5	Kesimpulan	199

BAB 5 UNGKAPAN METAFORA KEMURUNGAN

5.1	Pendahuluan	200
5.2	Kebolehpercayaan Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM)	201
5.3	Pengenalpastian Metafora Kemurungan	207
5.3.1	Ketetapan dalam Mengenalpasti Metafora Kemurungan	243
5.3.2	Ketetapan dalam menentukan makna konteks bagi metafora kemurungan yang berpolisemi	256
5.4	Kesimpulan	263

BAB 6 POLA DAN KONSEP KEMURUNGAN BERDASARKAN PERSPEKTIF KOGNITIF DAN WACANA

6.1	Pendahuluan	265
6.2	Pola dan Konsep Kemurungan Berdasarkan Perspektif Kognitif	266
6.2.1	Pola yang Menunjukkan Gangguan Kemurungan	268

6.2.1.1	Pola Kejatuhan	268
6.2.1.2	Pola Organisma Hidup	272
6.2.1.3	Pola Tidak Stabil	277
6.2.1.4	Pola Bekas	279
6.2.1.5	Pola Tempat	282
6.2.1.6	Pola Benda	285
6.2.1.7	Pola Berat	288
6.2.1.8	Pola Gelap	290
6.2.1.9	Pola Cuaca	293
6.2.1.10	Pola Simptom Fizikal	296
6.2.2	Pola yang Menunjukkan Hidup dengan Kemurungan	298
6.2.2.1	Pola Perjalanan	299
6.2.2.2	Pola Peperangan	303
6.2.3	Pola yang Menunjukkan Individu yang Mengalami Kemurungan	306
6.2.3.1	Pola Pemisahan Diri	306
6.2.3.2	Pola Benda	309
6.2.3.3	Pola Bekas	312
6.2.3.4	Pola Mesin	315
6.2.4	Perbincangan Hasil Dapatan Berdasarkan Perspektif Kognitif	317
6.3	Pola dan Konsep Kemurungan Berdasarkan Perspektif Wacana	336
6.3.1	Pola Perjalanan Melelahkan	338
6.3.2	Pola Perjalanan Tanpa Destinasi	343
6.3.3	Pola Destinasi Pilihan	349

6.3.4	Pola Destinasi Terakhir	356
6.3.5	Pola Perang Emosi	360
6.3.6	Pola Perang Takdir	366
6.3.7	Pola Kata	371
6.3.8	Pola Tidak Stabil	380
6.3.9	Pola Tidak Rasional	384
6.3.10	Pola Sekatan Pergerakan Kendiri	391
6.3.11	Perbincangan Hasil Dapatan Berdasarkan Perspektif Wacana	396
6.4	Kesimpulan	414
BAB 7	KESIMPULAN	
7.1	Pendahuluan	415
7.2	Rumusan Dapatan Kajian yang Memenuhi Objektif Kajian	416
7.3	Sumbangan Kajian	423
7.4	Implikasi Kajian	424
7.5	Cadangan Kajian Lanjutan	426
7.6	Kesimpulan	427
RUJUKAN		429
LAMPIRAN		



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Kajian Metafora Melayu Mengikut Era	35
2.2 Kajian Metafora Kemurungan	54
2.3 Domain Sumber Metafora Kemurungan dalam Kajian Lepas	57
3.1 Skala Persetujuan Cohen Kappa	110
3.2 Bilangan Ujaran Mengikut Tema	111
3.3 Nilai Persetujuan antara Pakar	113
3.4 Bilangan Patah Perkataan bagi Setiap Data Temu Bual	114
3.5 Bilangan Patah Perkataan dalam Kajian Rintis	122
3.6 Senarai Kata Kunci Mengikut Kekerapan Berdasarkan Kajian Rintis	123
3.7 Senarai Kata Mengikut Kekerapan	128
3.8 Kolokasi Kata saya	130
3.9 Baris Konkordans dalam <i>WordSmith</i> 8.0	132
3.10 Baris Konkordans dalam Excel	133
4.1 Pengenalpastian Metafora Berdasarkan PPM	140
4.2 Perkaitan Makna Berdasarkan Ekstrak 4.1	146
4.3 Metafora Konsepsi KEMURUNGAN IALAH BEKAS	177
5.1 Senarai 20 Ujaran dan Unit Persetujuan	201
5.2 Perkaitan Makna Berdasarkan Ekstrak 5.1	212
5.3 Perkaitan Makna Berdasarkan Ekstrak 5.2	216
5.4 Perkaitan Makna Berdasarkan Ekstrak 5.3	220
5.5 Senarai Kata Mengikut Kekerapan	226



5.6	Metafora Kemurungan yang Terdiri daripada Kata Nafi <i>tak</i>	236
5.7	Makna Asas bagi Kata <i>hala, salur, arah, pergi dan jalan</i>	239
5.8	Kata yang Menunjukkan Keadaan Fizikal Sesuatu Ruang atau Tempat	241
5.9	Makna Konteks Bagi Kata <i>Pergi</i>	257
5.10	Makna Konteks Bagi Kata <i>Buang</i>	260
5.11	Makna Konteks Bagi Kata <i>Buang</i>	262
6.1	Pembahagian Metafora Berdasarkan Data Korpus	266
6.2	Pembahagian Domain Sasaran	267
6.3	Pola Bagi Gangguan Kemurungan	268
6.4	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Kejatuhan	269
6.5	Ciri-ciri Pola Kejatuhan	270
6.6	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Organisma Hidup	272
6.7	Ciri-Ciri Pola Organisma Hidup	274
6.8	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Tidak Stabil	277
6.9	Ciri-Ciri Pola Tidak Stabil	278
6.10	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Bekas	280
6.11	Ciri-Ciri Pola Bekas	281
6.12	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Tempat	283
6.13	Ciri-Ciri Pola Tempat	284
6.14	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Benda	286
6.15	Ciri-Ciri Pola Benda	287
6.16	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Berat	288
6.17	Ciri-Ciri Pola Berat	289
6.18	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Gelap	291
6.19	Ciri-Ciri Pola Gelap	292



6.20	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Cuaca	293
6.21	Ciri-Ciri Pola Cuaca	295
6.22	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Simptom Fizikal	297
6.23	Ciri-Ciri Pola Simptom Fizikal	297
6.24	Pola bagi Hidup dengan Kemurungan	299
6.25	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Perjalanan	299
6.26	Ciri-Ciri Pola Perjalanan	301
6.27	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Peperangan	303
6.28	Ciri-Ciri Pola Peperangan	305
6.29	Pola Bagi Individu yang Mengalami Kemurungan	306
6.30	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Pemisahan Diri	307
6.31	Ciri-Ciri Pola Pemisahan Diri	308
6.32	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Benda	310
6.33	Ciri-Ciri Pola Benda	311
6.34	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Bekas	313
6.35	Ciri-Ciri Pola Bekas	313
6.36	Metafora Kemurungan yang Menghasilkan Pola Mesin	315
6.37	Ciri-Ciri Pola Mesin	316
6.38	Pola Berdasarkan Perspektif Kognitif	318
6.39	Kehadiran Kata <i>hilang</i> dalam Enam Pola yang Berbeza	321
6.40	Domain Sumber Metafora Kemurungan	330
6.41	Konsep Kemurungan Berdasarkan Perspektif Kognitif	332
6.42	Domain Sumber Benda	334
6.43	Senarai Pola Berdasarkan Perspektif Wacana	337
6.44	Isu yang disampaikan Melalui Pola Tertentu	338



6.45	Pola Perjalanan Melelahkan	341
6.46	Pola Perjalanan Tanpa Destinasi	347
6.47	Pola Destinasi Pilihan	354
6.48	Pola Destinasi Terakhir	359
6.49	Pola Perang Emosi	363
6.50	Pola Perang Takdir	369
6.51	Pola Kata I	373
6.52	Pola Kata II	377
6.53	Pola Tidak Stabil	382
6.54	Pola Tidak Rasional	387
6.55	Pola Sekatan Pergerakan Kendiri	394
6.56	Pola Berdasarkan Perspektif Wacana	398
7.1	Metafora Kemurungan yang Membawa Lebih daripada Satu Makna Konteks	416
7.2	Metafora Kemurungan yang Menunjukkan Makna Sinonim	418
7.3	Pola Berdasarkan Perspektif Kognitif dan Wacana	419
7.4	Konsep Kemurungan Berdasarkan Perspektif Kognitif dan Wacana	421



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoretikal Kajian	20
2.1 Metafora Konvensional dan Metafora Linguistik	33
3.1 Proses Untuk Mendapatkan Kelulusan Etika Penyelidikan Manusia	104
3.2 Keluk Undang-Undang Zipf yang Menunjukkan Kedudukan Kata Mengikut Frekuensi	115
3.3 Keluk Undang-Undang Zipf yang Menunjukkan Kedudukan 10 Kata Tertinggi Mengikut Log Frekuensi	116
4.1 Empat peringkat PPM	138
4.2 Empat peringkat PPM mengikut cara Cameron dan Low (2010)	143
4.3 Model Kognitif Unggul atau Idealized Cognitive Models (ICM). Diadaptasi dari Lakoff (1987)	154
4.4 Tiga Jenis Metafora Konsepsi Asas	160
4.5 Skema Imej dalam Semantik Kognitif. Diadaptasi dari Johnson, 1987	167
4.6. Konsep Tatatingkat atau Atas-Bawah. Diadaptasi dari Khazriyati Salehuddin (2018)	168
4.7 Bekas yang Memisahkan dalam dari Luar. Diadaptasi dari Khazriyati Salehuddin (2018)	170
4.8 Konsep Cerah-Gelap	172
4.9 Konsep Jauh-Dekat	173
4.10 Aspek yang Menghubungkan Metafora Pembawa dan Isu	189
4.11 Pembentukan Metafora Sistematis	193
4.12 Pembentukan Set Metafora Sistematis	194
5.1 Peringkat Penguasaan	221



5.2	Peringkat Pencarian	223
5.3	Peringkat Penentuan Makna	224
6.1	Pola yang Dihasilkan daripada Pespektif Kognitif	326
6.2	Pola Perang Emosi	370
6.3	Metafora sistematik <i>PERSEPSI PESAKIT KEMURUNGAN TERHADAP STIGMA MASYARAKAT IALAH PERSEPSI NEGATIF TERHADAP AGAMA ISLAM</i>	379
6.4	Metafora sistematik <i>TINDAKAN TIDAK RASIONAL IALAH PERASAAN TIDAK STABIL</i>	390
6.5	Metafora Sistematik yang Terhasil Daripada Metafora Perjalanan	402
6.6	Metafora Konsepsi dan Metafora Sistematik bagi Pola Tidak Stabil	405
6.7	Metafora sistematik <i>PERSEPSI PESAKIT KEMURUNGAN TERHADAP STIGMA MASYARAKAT IALAH PERSEPSI NEGATIF TERHADAP ISLAM</i>	406
6.8	Pola dan Konsep Kemurungan Berdasarkan Perspektif Wacana	409



SENARAI SINGKATAN

MDD	Kecelaruhan Kemurungan Major (MDD)
ML	Metafora Linguistik
PPM	Prosedur Pengenalpastian Metafora
PPUM	Pusat Perubatan Universiti Malaya
SI	Skema Imej
TMK	Teori Metafora Konsepsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Etika Penyelidikan
- B Protokol Kajian dan Temu Bual
- C Soalan Temu Bual
- D Kesahan Prosedur Pengenalpastian Metafora
- E Senarai Kata
- F Surat Kesahan Pakar

BAB 1

PENGENALAN

Linguistik merupakan kajian bahasa secara saintifik dan objek yang menjadi kajian dalam bidang linguistik ialah bahasa. Bidang makna atau semantik pula menjadi sebahagian daripada ilmu linguistik kerana bahasa tidak akan sempurna jika tidak ada unsur makna. Dalam menyampaikan makna, kadangkala seseorang individu dibatasi dengan kosa kata yang tepat. Kosa kata yang sedia ada dirasakan tidak dapat mewakili idea atau emosi yang cuba disampaikan. Lantaran itu, manusia mengambil suatu perbandingan lain yang dirasakan memiliki kesamaan atau keserupaan gambaran dengan ujaran yang sebenarnya (Maslida Yusof, 1999). Unsur perbandingan yang digunakan dalam menyampaikan makna ini dikenali sebagai metafora.

Metafora merupakan gaya bahasa yang disampaikan secara tersirat (Hassan Ahmad, 2003). Ungkapan metafora dapat menonjolkan kebijaksanaan dan kecekapan berbahasa seseorang kerana maksud sebenar yang cuba disampaikan dapat disembunyikan melalui kata-kata kiasan (Gibbs, 1992). Tanpa perlu berterus-terang atau mendedahkan isi hati, seseorang itu dapat melahirkan buah fikiran dan perasaannya dengan cukup berkesan walaupun makna sebenar ungkapan metafora itu tidak dapat dikesan secara harfiah. Sebagai contoh, *patah hati* merupakan suatu metafora umum yang digunakan untuk menjelaskan gangguan emosi yang dirasakan oleh seseorang setelah melalui pengalaman yang pahit. Kehilangan insan tersayang sama ada melalui kematian, penceraian atau hubungan yang tidak kesampaian boleh mematahkan hati seseorang. Walaupun frasa ini tidak memberi kerosakan kepada kesihatan fizikal seseorang namun sindrom patah hati atau dikenali sebagai “takotsubo kardiomyopati” boleh membawa kematian yang lebih cepat berbanding dengan serangan jantung (Redfors, Shao, & Omerovic, 2013).

Keunikan metafora yang tidak dapat difahami secara literal banyak ditemukan dalam setiap bahasa (Pritzker, 2003). Sebagai contoh, manusia menggunakan metafora sebagai landasan untuk menzahirkan emosi (Demjén, 2011a). Orang yang menulis diari atau lirik lagu akan mengeksploitasi bahasa untuk meluahkan apa-apa sahaja yang ada dalam lubuk hati atau fikiran mereka tanpa memikirkan perasaan orang lain. Mereka mahu melontarkan emosi yang terpendam tetapi kata-kata kiasan yang digunakan menyebabkan pembaca atau pendengar berteka-teki untuk memahami perkara yang cuba disembunyikan.

Bagi kebanyakan orang, emosi yang dialami oleh seseorang itu terlalu peribadi untuk dikongsikan kerana boleh melibatkan maruah diri atau aib yang telah ditanggung sejak sekian lama. Biasanya, individu yang mengalami pergelutan emosi akan memilih untuk menyembunyikan atau menyimpan “kesakitan” mereka sebagai satu “rahsia gelap”. Memandangkan metafora tidak mudah difahami secara literal dan memerlukan kaedah tertentu untuk diinterpretasikan, manusia mengeksploitasi metafora sebagai saluran untuk membebaskan diri daripada tekanan emosi (Demjén, 2011a; Kövecses, 2010). Dengan kata lain, metafora mampu mengekspresikan emosi kekecewaan dan putus harapan seperti kemurungan (Charteris-Black, 2012).

Kemurungan ialah gangguan perasaan yang menyebabkan seseorang itu berasa sedih yang berpanjangan, keletihan dan ketiadaan tenaga, cepat marah serta hilang minat dalam aktiviti harian (World Health Organization [WHO], 2014). Keadaan ini akan menjejaskan kehidupan harian individu tersebut termasuklah pemikiran, perasaan, tingkah laku dan kesejahteraannya. Sekiranya tanda-tanda kemurungan tidak ditangani secara efektif, individu tersebut boleh terdorong untuk bertindak ekstrem seperti menunjukkan perlakuan yang boleh membahayakan diri atau membunuh diri (Wilkinson, Kelvin, Roberts, Dubicka, & Goodyer, 2011).

Kemurungan yang dialami oleh seseorang juga boleh mengubah cara berfikir, tindak tanduk sehingga wujud pola interaksi dengan lingkungan sosial. Oleh sebab itu, antara petanda kemurungan yang dapat dikenal pasti adalah daripada cara seseorang itu berkomunikasi. Hal ini disokong oleh Keraf (1997) dengan menyatakan bahawa gaya bahasa yang diekspresikan dapat mengidentitikan ciri-ciri keperibadian seseorang menurut konteks dan situasi subjek yang diperkatakan. Sebagai contoh, penggunaan

bahasa yang terpancar melalui karya kreatif seperti lirik lagu diketahui sama ada seseorang itu mengalami kemurungan atau sebaliknya (Demjén, 2011a). Hal ini dapat dilihat melalui lirik lagu “Shadow of the Day” di bawah;

“I close both locks below the window,
I close both blinds and turn away,
Sometimes solutions aren’t so simple,
Sometimes goodbye’s the only way.”

(Linkin Park, 2007)

Lirik lagu di atas dinyanyikan oleh Chester Bennington bersama kumpulan rock terkenal, iaitu Linkin Park. Berdasarkan lirik lagu tersebut, didapati bahawa penyanyi lagu ini mengalami kemurungan. Biasanya, individu yang mengalami kemurungan menggunakan kata-kata berbau emosi negatif secara berlebihan (Chen & Jin, 2017).

Selain itu, individu yang mengalami kemurungan juga lebih banyak menggunakan kata ganti diri pertama tunggal seperti *saya*, *diri saya* dan *aku* manakala penggunaan kata ganti diri kedua atau ketiga seperti *engkau*, *kamu*, *awak*, *anda*, *mereka*, *dia* atau *orang lain* kurang dinyatakan (Chen & Jin, 2017).

Berdasarkan baris pertama dan kedua dalam lirik lagu di atas, penyanyi ini sudah memberi bayangan bahawa ia tidak berjumpa jalan keluar untuk melepaskan diri daripada penderitaan dan kesengsaraan yang dialaminya. Malahan, lirik ini menunjukkan tindakan-tindakan yang akan diambil sebagai penolakan atau jalan keluar daripada kehidupan yang dirasakan sangat sengsara dan menyeksakan. Secara literalnya, baris “Sometimes goodbye’s the only way” membayangkan bahawa Bennington akan meninggalkan seseorang dengan mengucapkan selamat tinggal namun ucapan selamat tinggal itu ternyata bukan sekadar ucapan biasa kerana beliau

akhirnya ditemui mati setelah menggantungkan diri pada 20 Julai 2017. Jelaslah bahawa ungkapan metafora yang terdapat dalam lirik lagu ini menunjukkan bahawa penyanyi ini mengalami kemurungan kerana bahasa yang digunakan oleh individu kemurungan ternyata berbeza daripada individu yang tidak mengalaminya. Oleh sebab itu, metafora sangat penting dalam sesebuah komunikasi kerana kata-kata yang diungkapkan itu berbeza daripada lambang-lambang biasa yang terdapat dalam sesebuah bahasa malah ungkapan metafora merupakan kesinambungan daripada pengalaman yang cuba disampaikan (Lakoff & Johnson, 1980; Demjén, 2011a; Semino, Demjén, & Demmen, 2016).

Emosi kemurungan yang disampaikan melalui ungkapan metafora memerlukan penginterpretasian makna yang lebih sistematik dan berkesan berbanding dengan emosi kemurungan yang disampaikan secara harfiah. Sebagai contoh,

“I feel lonely and so sad I feel stupid ugly fat worthless and unhappy”

(Chen & Jin, 2017, ms. 15)

Berdasarkan ayat di atas, didapati bahawa pemilihan diksi yang digunakan menunjukkan ada unsur kemurungan. Ekspresi kemurungan yang disampaikan dapat difahami secara literal berdasarkan pemilihan perkataan yang sering dianggap sebagai unsur negatif seperti “lonely”, “sad”, “stupid”, “worthless” dan “unhappy”. Walaupun ayat di atas tidak menunjukkan perkataan kemurungan, namun perkataan “feel” sering dikaitkan dengan prosodi kesedihan dan menggambarkan keadaan emosi yang terdesak (Chen & Jin, 2017). Perhatikan pula ayat di bawah;

“I feel such a failure that I am not winning this battle”

(Semino et al., 2016, ms. 634)

Ungkapan ayat di atas pula dianggap sebagai metafora kerana frasa “not winning this battle” bukanlah bermaksud “gagal memenangi pertempuran” dalam ungkapan bahasa yang lazimnya dikaitkan dengan konteks peperangan sebaliknya ada maksud tersirat yang cuba disampaikan. Berdasarkan konteks ayat, didapati bahawa penutur sedang mengekspresikan emosi kemurungan yang ada dalam dirinya. Ayat ini menggambarkan bahawa dirinya seorang yang gagal dan tidak mungkin dapat meneruskan kehidupan yang perit ini. Hal ini sama seperti gagalnya seorang tentera mematahkan serangan musuh dalam peperangan, begitulah ia menggambarkan dirinya yang gagal untuk meneruskan perjuangan atau melawan “kesakitan” yang sedang dialami (Semino et al., 2016).

Dalam kajian ini, kaedah lapangan dan pendekatan data korpus pengkomputeran diaplikasikan untuk meneliti metafora kemurungan yang diungkapkan oleh pesakit Kecelaruan Episod Kemurungan Major (MDD). Ungkapan metafora kemurungan yang dikenal pasti melalui Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM) dianalisis berdasarkan dua perspektif, iaitu perspektif kognitif dan wacana yang dibangunkan oleh Lakoff dan Johnson (1980) dan Cameron dan Low (2010).

1.2 Latar Belakang Kajian

Metafora bererti pengalihan makna yang diperoleh secara implisit berdasarkan dua hal yang mempunyai kesamaan bentuk, fungsi dan kegunaan dengan tujuan untuk menimbulkan kesan kepada pendengar atau pembaca (Harimurti Kridalaksana, 2015). Secara etimologinya, terminologi metafora dibentuk melalui gabungan dua perkataan yang berasal daripada perkataan Yunani, iaitu “meta” yang bermaksud di atas atau melebihi manakala “pherein” membawa maksud mengalihkan atau memindahkan (Driscoll, 2012). Istilah tersebut merujuk kepada pengalihan sesuatu objek yang dibawa atau dipindahkan ke dalam objek lain supaya kedua-dua objek tersebut mempunyai persamaan (Semino, 2008). Contohnya, ungkapan *Pelanggan ialah raja* dianggap sebagai metafora kerana imej seorang raja yang berkuasa, berpengaruh dan mempunyai kedudukan tertinggi dalam hierarki masyarakat dipindahkan kepada pelanggan yang dianggap sebagai entiti terpenting dalam menjana keuntungan kepada sesebuah perniagaan. Oleh sebab itu, peniaga atau penjual harus melayan pelanggan seperti raja dengan menuruti segala kemahuan dan perintahnya sehingga mereka selalu dianggap benar. Pentingnya pelanggan kepada pengusaha atau peniaga ini telah menyebabkan Harry Gordon Selfridge mendapat ilham untuk mencipta ungkapan “The Customer is always right” pada tahun 1909 supaya pelanggan berasa sangat istimewa dan dialu-alukan (Bishop & Hoel, 2008). Ungkapan ini membuktikan bahawa metafora dapat dijadikan sebagai medium yang efisien untuk mempengaruhi pemikiran seseorang atau sekelompok masyarakat walaupun disampaikan secara tersirat.

Metafora merupakan gaya bahasa figuratif yang menyatakan sesuatu dengan menyebut sesuatu yang lain (Lakoff & Johnson, 1980). Bagi mencapai salah satu tujuan komunikasi, metafora digunakan sebagai satu bentuk analogi atau gaya bahasa kiasan yang dapat menjelaskan sesuatu dengan cara yang lebih berkesan (Ritchie, 2013). Sebagai contoh, ungkapan metafora “He is a lion” tidak menunjukkan makna harfiah melainkan pada makna tersirat yang menggambarkan simbol kekuasaan dan kekuatan seseorang (Kövecses, 2010) sehingga perkataan “lion” dipilih agar seseorang itu menjadi sangat dihormati dan keputusannya harus dipatuhi.

Sejak zaman Aristotle lagi, metafora dilihat sebagai satu alat yang dapat menggambarkan imaginasi puitis (Lakoff & Johnson, 1980). Hal ini dikatakan demikian kerana ungkapan metafora kaya dengan aspek retorik dan biasanya dianggap sebagai satu bentuk bahasa yang luar biasa atau aneh (Gibbs, 1992). Berikut merupakan salah satu ungkapan metafora yang diambil daripada karya “Act II of Romeo and Juliet”;

“But, soft! What light through yonder window breaks?
It is the east, and **Juliet is the sun.**
Arise, fair sun, and kill the envious moon
Who is already sick and pale with grief
That thou her maid art far more fair than she”

(Play script - textromeo and Juliet, t.th.)

Ungkapan metafora dalam ayat Shakespeare “Juliet is the sun” yang secara literalnya tidak masuk akal telah mencetuskan mekanisme untuk mengesan bahawa ungkapan itu ialah metafora (Gibbs, 1992). Oleh hal yang demikian, pembaca atau pendengar yang dapat mengesannya sebagai ujaran yang aneh (anomalous), dapat



merekonstruksi makna di sebalik ungkapan itu bahawa Shakespeare sedang membandingkan Juliet dengan matahari. Kepentingan matahari sebagai sumber utama tenaga bagi bumi dan mengekalkan kelangsungan hidupan di bumi menyebabkan Shakespeare mencipta beberapa imej dalam pemikiran pembaca tentang Juliet. Beliau mahu pembaca memahami bahawa Juliet bukan sahaja wanita tercantik yang pernah dijumpainya tetapi juga menggambarkan Juliet sebagai wanita yang berjaya menerangi kehidupannya sehingga dapat keluar daripada kehidupan yang gelap dan memeritkan. Juliet juga telah menghangatkan dirinya dengan perasaan cinta dan bahagia seperti matahari yang berfungsi untuk menyediakan haba yang mencukupi bagi kehidupan di bumi.

Walaupun ungkapan metafora dapat menimbulkan tahap kesusasteraannya, namun penggunaan metafora bukan milik segelintir penulis puisi atau penyair yang bijaksana sahaja kerana metafora turut digunakan secara meluas dalam pelbagai komunikasi bahasa manusia (Lakoff & Johnson, 1980). Dalam hal ini, manusia menggunakan metafora untuk menyatakan fikiran, pendapat, emosi, perlakuan dan keperibadian melalui percakapan atau perbualan seharian untuk menimbulkan komunikasi yang lebih berkesan (Gibbs, 1992; Kövecses, 2005; Lakoff & Johnson, 1980; Semino et al., 2016). Malahan, kadangkala penutur yang menggunakan metafora secara alamiah tidak menyedari bahawa ungkapan metafora yang digunakan itu tercermin dalam pemikiran serta tindakannya sehari-hari. Sebagai contoh, seseorang yang dilanda amarah, mudah terucap kata-kata yang mengandungi metafora haiwan untuk mengekspresikan emosi dirinya seperti *Kau memang binatang*. Pemilihan kata binatang tidak dipilih sewenang-wenangnya sebaliknya penutur mahu menggambarkan kelakuan orang yang dirujukinya itu tidak ubah seperti haiwan liar yang ganas, tiada



belas kasihan, rakus dan kejam berbanding dengan ungkapan harfiah *Kau memang jahat* yang tidak bersifat emotif.

Meskipun metafora digunakan sehari-hari namun itu tidak bermaksud bahawa metafora digunakan sepanjang masa dalam komunikasi seharian manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat metafora yang digunakan dalam wacana atau konteks tertentu untuk tujuan tertentu. Sebagai contoh, metafora yang terdapat dalam teks ucapan awam digunakan oleh pemedato untuk menimbulkan kesan atau efek kepada khalayak. Metafora sebegini bukan sahaja menggambarkan pemikiran pemedato yang kritis dan kreatif dalam menyampaikan hujah namun kalimat metafora yang diungkapkan itu diharapkan dapat mengubah persepsi dan menimbulkan kesedaran kepada sekelompok masyarakat untuk melakukan anjakan paradigma dan revolusi sikap (Semino, 2008). Contoh di bawah ini menunjukkan kalimat metafora yang berapi-api daripada teks ucapan Soekarno, iaitu;

Berikan aku 10 belia waja, nescaya akan aku goncangkan dunia.

(Wiwin Siswantini & Soekiyono, 2013, ms. 1)

Ungkapan ini digunakan oleh Soekarno untuk menyuntik idealisme kepada golongan pemuda bahawa mereka merupakan tonggak utama yang melahirkan detik-detik penting dalam sejarah peradaban manusia daripada masa lampau hingga hari ini. Dalam contoh yang lain, ungkapan “the war against drugs” pula merujuk kepada usaha untuk mengurangkan bilangan penagih dadah (Semino, 2008) namun disebabkan dadah memberi kesan buruk bukan sahaja kepada masyarakat atau bangsa, malah melibatkan negara maka ungkapan “the war” dipilih kerana menggambarkan kerosakan dan

kehancuran yang dibawa oleh jenayah ini kepada semua peringkat sehingga mengaitkan dadah sebagai bentuk yang harus diperangi bersama. Dalam hal ini, ungkapan *memerangi dadah* tidak digunakan secara arbitrari kerana perkataan *perang* melibatkan pertempuran dan perjuangan yang dilakukan oleh sekumpulan manusia untuk melawan musuh seperti dadah yang dianggap sebagai “Musuh Nombor Satu Negara”.

Dalam beberapa dekad, kebanyakan pengkaji telah membincangkan bahawa metafora bukan sahaja bentuk ungkapan biasa tetapi lebih kepada fundamental satu bentuk pemikiran yang melibatkan fungsi-fungsi epistemologi itu sendiri atau sedia ada. Dengan kata lain, metafora bukan sahaja menyediakan asas kepada pemikiran manusia sehari-hari tetapi turut menjadi asas kepada kita untuk memahami budaya secara ilmiah melalui pelbagai teori dan disiplin (Gibbs, 1994). Hal ini bermaksud kewujudan metafora dalam pemikiran dan tingkah laku manusia mencerminkan unsur budaya yang wujud dalam sesebuah kelompok masyarakat.

Memandangkan persepsi masyarakat tentang lingkungan sekitarnya tidak sama, maka menjadi sesuatu yang wajar apabila suatu kelompok masyarakat memiliki metafora yang berbeza daripada kelompok masyarakat yang lain (Kövecses, 2005). Contohnya, metafora bahasa Inggeris “Time Is Money” menggambarkan budaya orang Eropah yang menganggap masa sebagai sesuatu yang sangat bernilai (Lakoff & Johnson, 1980). Pegangan inilah yang menjadikan masyarakat Eropah berkembang pesat dan menghasilkan teknologi seperti mesin-mesin yang membantu kecepatan bekerja mereka. Senario ini agak berbeza dengan budaya masyarakat Melayu yang berpegang dengan ungkapan “Biar Lambat Asalkan Selamat” (Hassan Ahmad, 2003). Ungkapan ini bukanlah bermaksud masyarakat Melayu tidak menghargai masa

sebaliknya budaya masyarakat Melayu yang mementingkan ketelitian dan kehalusan dalam melakukan sesuatu supaya pekerjaan itu berhasil dengan baik. Sikap cermat dan berhati-hati ini dapat dilihat dalam pembuatan kraf tangan seperti songket, kain batik, labu sayung dan keris yang memakan masa berminggu-minggu atau berbulan-bulan lamanya hanya untuk membuat sesebuah benda.

Penggunaan metafora dalam pelbagai konteks kehidupan sehari-hari telah menambahkan kekayaan bahasa dan kajian semantik. Oleh sebab itu, kajian metafora semakin mendapat tempat dan berkembang luas (Gibbs, 1992; Semino et al., 2016). Sebagai contoh, kajian untuk mengenal pasti dan menginterpretasikan makna metafora berdasarkan teori-teori metafora telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dari Barat (Gibbs, 1992). Kajian mereka tertumpu kepada cara-cara untuk menentukan metafora berbanding dengan bahasa figuratif yang lain dan merekonstruksi makna metafora yang terdapat dalam bahasa, pemikiran dan tindakan manusia berdasarkan konteks dan wacana.

Selain itu, kebolehan manusia meluahkan ungkapan metafora daripada pola pemikiran yang kompleks menyebabkan kajian metafora merentasi bidang linguistik khususnya dalam bidang kesihatan dan psikologi (Semino, 2008). Oleh itu, kajian yang melibatkan ungkapan metafora dalam kalangan pesakit kanser dan kemurungan semakin mendapat sambutan di Barat (Pritzker, 2007). Melalui pemilihan kata, dapat diketahui seseorang itu mengalami kemurungan atau sebaliknya (Chen & Jin, 2017). Contohnya,

“I want to kill myself, to escape from responsibility, to crawl back abjectly into the womb”.

(Demjén, 2015, ms. 105)

Berdasarkan data di atas, didapati bahawa pesakit kemurungan mengalami kekecewaan yang luar biasa sehingga perkataan “womb” dipilih bagi menggambarkan destinasi yang ingin dituju sedangkan destinasi tersebut tidak wujud. Selain itu, ungkapan metafora yang disampaikan menunjukkan beban emosi yang tidak tertanggung sehingga perkataan “escape” dan “crawl back” digunakan secara kreatif bagi menggambarkan kekesalan kerana dilahirkan ke dunia. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan pesakit yang mengalami kemurungan akan melahirkan pengalaman dan emosi mereka melalui ungkapan metafora (Charteris-Black, 2012).

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini meneliti ungkapan metafora kemurungan dalam kalangan pesakit MDD dengan menggunakan kaedah lapangan dan data korpus pengkomputeran. Data korpus merupakan himpunan data bahasa atau satu set teks yang besar dan berstruktur. Data yang dijadikan korpus boleh diambil daripada wacana tulisan mahupun lisan untuk dijadikan sebagai sampel bahasa bagi pengkajian linguistik (Norliza Jamaluddin, 2015). Dalam kajian ini, data korpus yang diekstrakkan daripada data lisan telah membolehkan peranti analisis korpus digunakan untuk memproses data.

Dalam penggunaan korpus sebagai kaedah kajian, bahan-bahan yang dianggap sebagai korpus bahasa selalunya disimpan secara digital agar data tersebut mudah diakses, dicari semula dan dianalisis dengan menggunakan komputer. Oleh hal yang demikian, data korpus biasanya berbentuk “machine-readable”, iaitu boleh dibaca oleh

perisian elektronik. Ciri elektronik ini menjadikan kajian linguistik benar-benar bersifat empirikal dan boleh dipindah milik dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan teori (Patterson, 2018).

Selain boleh dibaca oleh perisian elektronik, data korpus juga merupakan bahasa yang wujud secara semula jadi, bersifat autentik dan menjadi representasi kepada bahasa-bahasa dan variasi-variasi bahasa tertentu (Khazriyati Salehuddin, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa data yang diselidik bukan direka oleh penghasil data korpus melainkan data tersebut menunjukkan perilaku sebenar sesuatu bahasa semasa bahasa tersebut digunakan (Norliza Jamaluddin, 2015).

Korpus merupakan kaedah penyelidikan yang kukuh dan diyakini dalam kajian metafora kerana dapat menunjukkan frekuensi, bentuk dan fungsi metafora (Semino et al., 2016). Pengertian yang hampir sama juga dikemukakan oleh Deignan (2005) yang mengaitkan korpus dengan metafora, iaitu;

“Technically, the term “corpus” can be used to refer to any collection of texts. It is sometimes also used to refer to collections of citations of various kinds, such as a dictionary entries, or a pre-selected collection of utterances containing a linguistic feature of interest, such as metaphor”.

(Deignan, 2005, ms. 75-76)

Dalam kajian ini, ungkapan metafora kemurungan yang telah dikenal pasti akan dianalisis berbantuan data korpus yang dijana sendiri (*DIY Corpus*). Pembinaan sesuatu data korpus, khususnya data korpus bersaiz kecil bergantung pada tujuan kajian (Norliza & Jamaluddin, 2015). Memandangkan tujuan kajian ini adalah untuk

memaparkan pola tertentu yang dihasilkan daripada metafora kemurungan, pemilihan data korpus sebagai kaedah pengkajian bahasa amat signifikan dilakukan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengenalpastian metafora berdasarkan intuisi atau gerak hati menyebabkan ungkapan metafora difahami tanpa melalui pemikiran rasional dan intelektual. Tambahan pula, ungkapan metafora yang bersifat kabur dan taksa menimbulkan pelbagai andaian dan makna yang sukar diinterpretasikan (Rozaimah Rashidin, 2016). Ketersiratan makna bagi setiap leksikal dan frasa yang membentuk metafora menunjukkan makna sebenar yang menyimpang daripada makna asal (Za'ba Pendita, 2002). Sehubungan dengan itu, makna sebenar ungkapan metafora perlu diteliti secara mendalam kerana ungkapan metafora bukan terdiri daripada ungkapan biasa, kosong dan bersahaja, tetapi tersembunyi konsep abstrak.

Konsep abstrak difahami berdasarkan konsep konkrit yang dapat dikesan secara literal. Oleh itu, Teori Metafora Konsepsi (TMK) diaplikasikan untuk memetakan metafora konsepsi dalam pola pemikiran manusia. Walau bagaimanapun, pemetaan metafora konsepsi berdasarkan TMK hanya dilakukan secara umum. Bagi membolehkan pemetaan metafora konsepsi dilakukan secara khusus, analisis metafora linguistik perlu dilakukan secara induktif melalui pendekatan wacana.

Kebanyakan pesakit yang mengalami kemurungan akan melahirkan pengalaman dan emosi mereka melalui ungkapan metafora (Charteris-Black, 2012).

Walau bagaimanapun, aspek makna yang melibatkan ujaran dalam kalangan pesakit mental tidak menjadi fokus utama dan menarik minat psikiatri kerana ujaran tersebut hanya dianggap sebagai data mentah (Koudria & Koudria, 2019). Oleh sebab itu, analisis linguistik diperlukan untuk mendedahkan konsep kemurungan sebagai satu komunikasi yang dapat mengekspresikan emosi atau pengalaman kepada pendengar (Charteris-Black, 2012). Selain itu, ungkapan metafora bukan sahaja berbeza daripada lambang-lambang biasa yang terdapat dalam sesebuah bahasa malah ungkapan metafora juga merupakan kesinambungan daripada pengalaman yang cuba disampaikan (Lakoff & Johnson, 1980; Demjén, 2011a; Semino et al., 2016). Kemampuan ahli linguistik menginterpretasikan ungkapan metafora dapat membantu ahli perubatan untuk meningkatkan kecekapan komunikasi terutamanya dalam bidang perubatan (Semino, Demjén, Hardie, Payne, & Rayson, 2018).

Kajian metafora dalam bidang kesihatan khususnya dalam bidang psikologi klinikal semakin berkembang di Barat sejak tahun 2000. Sebagai contoh, kajian metafora kemurungan yang dilakukan oleh Charteris-Black (2012), Coll-Florit, Climent, Sanfilippo, dan Hernández Encuentra (2021), McMullen dan Conway (2002), Pritzker (2003, 2007), Schoeneman, Schoeneman, dan Stallings (2004), Semino (2008) dan Reali, Soriano, dan Rodríguez (2016). Di Malaysia, kajian kemurungan lebih tertumpu kepada aspek psikologi klinikal berbanding dengan aspek bahasa. Antara kajian kemurungan yang mula membincangkan ungkapan metafora dalam kalangan pesakit ialah kajian yang dilakukan oleh Kok dan Lai (2014).

Kajian metafora tempatan dari dulu hingga kini masih tertumpu kepada pantun, (Mahda Bahaman, 1960; Noriza Daud, 2007; Muhamad Fadzliah Haji Zaini, 2015,

2017; Siti Nur Izzaty Salit & Norsimah Mat Awal, 2017), simpulan bahasa (Abdul Wahab Muhammad, 1963; Asmah Haji Omar, 1996; Charteris-Black, 2000; Norsimah Mat Awal & Imran Ho Abdullah, 2005; Salinah Jaafar, 2005; Anida Sarudin, 2018), peribahasa (Ishak Ramly & Goh, 1990; Maniyamin Ibrahim, 1998; Indirawati Zahid, 1997; Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011; Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan, 2017) dan teks Melayu tradisional (Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah Jalaluddin, 2013, 2014, 2015). Pemilihan data Melayu yang bersifat konvensional ini menunjukkan kelompangan yang ketara dalam kajian metafora di Malaysia.

Kajian metafora kemurungan dalam kalangan pesakit MDD amat signifikan dilakukan untuk mengisi kelompangan dalam kajian metafora yang sedia ada. Tambahan pula, isu kemurungan merupakan salah satu daripada kategori gangguan mental yang mencatatkan jumlah kes paling tinggi di seluruh dunia. Pada peringkat global, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengklasifikasikan kemurungan sebagai gangguan mental yang boleh membawa kepada bunuh diri (WHO, 2023). Lebih daripada 280 juta orang menderita dengan gangguan mental kemurungan di seluruh dunia (WHO, 2023). Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) pada tahun 2019 (Institut Kesihatan Umum, Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020) mencatatkan 2.3 % atau setengah juta orang dewasa di Malaysia mengalami kemurungan. Kajian NHMS pada tahun 2017 (Institute for Public Health, National Institutes of Health, Ministry of Health Malaysia, 2018) pula mendapati bahawa 20 orang hingga 30 orang daripada 100 000 orang rakyat Malaysia dijangka akan membunuh diri setiap tahun.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti di bawah, iaitu:

- 1.4.1 Mengenal pasti metafora kemurungan dalam kalangan pesakit Kecelaruhan Episod Kemurungan Major (MDD).
- 1.4.2 Memaparkan pola tertentu yang dihasilkan daripada metafora kemurungan berdasarkan perspektif kognitif dan wacana.
- 1.4.3 Mengkonsepsikan kemurungan berdasarkan perspektif kognitif dan wacana.


1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti di bawah, iaitu:

- 1.5.1 Apakah metafora kemurungan yang diungkapkan oleh pesakit Kecelaruhan Episod Kemurungan Major (MDD)?
- 1.5.2 Bagaimanakah pola daripada metafora kemurungan terhasil berdasarkan perspektif kognitif?
- 1.5.3 Bagaimanakah konsep kemurungan dijelaskan berdasarkan perspektif kognitif?
- 1.5.4 Bagaimanakah pola daripada metafora kemurungan terhasil berdasarkan perspektif wacana?
- 1.5.5 Bagaimanakah konsep kemurungan dijelaskan berdasarkan perspektif wacana?

1.6 Kerangka Teoretikal Kajian

Kerangka teoretikal kajian merupakan struktur, kerangka sokongan atau kerangka kajian yang menjadi pegangan pengkaji sepanjang kajian ini dijalankan. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teoretikal kajian yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Teoretikal Kajian



Berdasarkan Rajah 1.1, data temu bual yang melibatkan 35 orang pesakit MDD di PPUM ditranskripsikan secara verbatim sebelum proses analisis data bermula. Semua pesakit yang ditemu bual memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan dalam protokol kajian, iaitu berketurunan Melayu, berusia 18 tahun dan ke atas serta fasih berbahasa Melayu (lihat 3.3.1 & lampiran B). Data temu bual kemudiannya dianalisis secara intensif untuk mengenal pasti metafora kemurungan yang diungkapkan oleh pesakit MDD (lihat 3.6). Berdasarkan PPM, metafora kemurungan dikenal pasti melalui empat peringkat, iaitu peringkat penguasaan, peringkat pencarian, peringkat penentuan dan peringkat pengkodan (lihat 4.2).

Data temu yang telah ditranskripsikan juga dimuat naik ke dalam dua perisian komputer, iaitu WordSmith 8.0 dan Excel untuk memudahkan kerja-kerja memproses data (lihat 3.7). Menerusi data korpus, frekuensi dan senarai kata dipaparkan. Bagi memastikan kesahihan statistik, pendekatan data korpus yang memaparkan kedudukan kata mengikut frekuensi diuji dengan ketat berdasarkan Undang-undang Zipf (lihat 3.4.2). Penurunan keluk dari kiri ke kanan menepati Keluk Undang-undang Zipf yang bersifat sarwajagat dan semula jadi dalam setiap bahasa.

Menerusi data korpus, kata yang mempunyai frekuensi tertinggi dijadikan kata nodus untuk memuat turun baris-baris konkordans (lihat 3.5.5). Baris-baris konkordans kemudiannya dipindahkan ke dalam Excel untuk memudahkan kerja-kerja menganalisis data berdasarkan perspektif kognitif. Dalam fail Excel yang berasingan, data temu bual yang telah ditranskripsikan juga dimuat naik ke dalam Excel untuk menganalisis data berdasarkan perspektif wacana. Kedua-dua perspektif ini digunakan untuk memaparkan pola daripada metafora kemurungan yang dikenal pasti.



Dalam kajian ini, pola yang terhasil daripada perspektif kognitif merupakan domain sumber yang selari dengan skema imej manakala pola yang terhasil daripada perspektif wacana pula merupakan metafora pembawa. Pola yang dipaparkan berdasarkan perspektif kognitif melibatkan aspek fizikal dan kognitif (lihat 4.3.1 dan 4.3.2). Pola yang dipaparkan berdasarkan perspektif wacana pula melibatkan aspek linguistik, fizikal, afektif, budaya dan kognitif (lihat 4.4.1).

Dalam kajian ini, pola yang dipaparkan berdasarkan kedua-dua perspektif dapat mengkonsepsikan kemurungan. Domain sumber yang dipetakan kepada domain sasaran menjelaskan konsep kemurungan berdasarkan perspektif kognitif manakala metafora pembawa yang dihubungkan dengan isu pula menjelaskan konsep kemurungan berdasarkan perspektif wacana. Konsep kemurungan berdasarkan perspektif kognitif dijelaskan melalui metafora konsepsi (lihat 4.3.3). Konsep kemurungan berdasarkan perspektif wacana pula dijelaskan melalui metafora sistematik (lihat 4.4.2).

1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini mengemukakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi ini membantu pengkaji dalam memahami setiap istilah yang dibincangkan dan mengelak daripada menyalahi garis panduan yang sepatutnya dipegang semasa menjalankan kajian ini.



1.7.1 Metafora

Metafora yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah metafora linguistik, iaitu ekspresi linguistik yang melibatkan ujaran, ayat, frasa atau kata yang bersifat metaforikal. Manusia cenderung memanfaatkan metafora untuk mengekspresikan emosi yang berkonsep abstrak dan subjektif walaupun terdapat perkataan lain yang bersifat literal maknanya. Sebagai contoh, kata *sedih*, *kecewa*, *merana*, *duka* dan *sengsara* dikenali sebagai ungkapan literal manakala kata *berat*, *gelap*, *meletup*, *kosong*, *bawah* dan *penjara* pula dikenali sebagai ungkapan metafora apabila dikaitkan dengan emosi kemurungan. Menurut Demjén (2011a), emosi yang diekspresikan secara tersirat lebih berkesan daripada emosi yang diekspresikan secara tersurat.



Walaupun metafora mampu mengekspresikan emosi namun ungkapan itu tidak mudah difahami (Kövecses, 2000). Oleh sebab metafora bersifat taksa dan kabur, maka mekanisme yang empirikal perlu dilakukan untuk mengenal pasti ungkapan metafora dengan lebih telus dan efisien tanpa dipengaruhi oleh intuisi atau gerak hati. Dalam kajian ini, ungkapan yang mengekspresikan emosi kemurungan secara abstrak atau imaginatif dikenal pasti berdasarkan Prosedur Pengenalpastian Metafora (PPM). Oleh itu, metafora kemurungan menjadi pegangan pengkaji sepanjang kajian ini dijalankan.

Metafora yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah metafora yang mengaitkan minda dan bahasa dalam penginterpretasian makna (Zainal Abidin Ahmad, 2002; Tendahl & Gibbs, 2008). Oleh itu, metafora dianggap mempunyai fungsi kognitif, iaitu untuk membentuk fikiran dan makna yang luar biasa atau makna yang bersifat abstrak atau konsepsi. Dengan kata lain, metafora bukan sahaja sebagai alat retorik, permainan



kata atau penggunaan bahasa yang indah, tetapi mampu melahirkan konsep dan makna. Bahasa dan cara berfikir menggunakan metafora atau pemikiran metaforikal sebenarnya berlaku dan sering digunakan setiap hari dalam kehidupan manusia. Hal ini telah dinyatakan oleh Lakoff dan Johnson (1980);

“...our ordinary conceptual system, in terms of which we think and act, is fundamentally metaphorical in nature”

(Lakoff & Johnson, 1980, ms. 3)

Menurut Stee (2017), sesebuah ungkapan dikenali sebagai metafora apabila konsep abstrak yang terdapat dalam pemikiran manusia diekspresikan melalui konsep konkrit. Sebagai contoh, ungkapan *macam dekat bawah* dikenal pasti sebagai metafora kemurungan. Kombinasi kata simile *macam* dan metafora mengekspresikan emosi kemurungan berdasarkan konsep konkrit dan senario yang dapat digambarkan secara visual (Semino, 2008). Emosi kemurungan yang berkonsep abstrak difahami melalui perluasan makna orientasi atau reruang seperti ATAS-BAWAH dan skema imej tatingkat ATAS-BAWAH. Berdasarkan pengalaman lampau manusia, konsep kesedihan dan kegagalan yang sering dikaitkan dengan skema imej BAWAH membolehkan emosi kemurungan difahami.

Dalam kajian ini, metafora kemurungan bukan sahaja dibentangkan daripada konsep konkrit kepada konsep abstrak semata-mata kerana penggunaan sebenar metafora perlu diteliti dalam sesebuah bahasa. Menurut Gibbs (1994), Ritchie (2013), Cameron dan Low (2010) serta Semino dan Demjén (2017) konteks ayat dan wacana memainkan peranan penting bagi menentukan kehadiran sesuatu perkataan atau rangkai kata itu metafora atau sebaliknya. Sebagai contoh, ungkapan “Your room is not your

prison. You are” telah dikenal pasti sebagai metafora kemurungan kerana makna “prison” berdasarkan konteks ayat tersebut tidak merujuk kepada penjara untuk menempatkan banduan melainkan pergelutan emosi yang memenjarakan kehidupan seseorang (Demjén, 2011b).

Dalam kajian ini, metafora kemurungan yang dikenal pasti menghasilkan pola tertentu. Dalam semantik kognitif, domain sumber yang berkonsep konkrit dan selari dengan skema imej menjadi dasar untuk menjelaskan domain sasaran yang berkonsep abstrak. Dalam analisis wacana pula, metafora pembawa menjelaskan isu yang diungkapkan secara tersirat. Dalam kajian ini, domain sumber dan metafora pembawa dikenali sebagai pola. Pola yang dihasilkan daripada metafora kemurungan dipaparkan berdasarkan perspektif kognitif dan wacana. Dengan menggunakan kedua-dua perspektif, konsep kemurungan turut dijelaskan. Berdasarkan perspektif kognitif, konsep kemurungan dijelaskan melalui metafora konsepsi manakala konsep kemurungan berdasarkan perspektif wacana pula dijelaskan melalui metafora sistematik.

1.7.2 Kemurungan

Kemurungan dalam kajian ini tertumpu kepada penggunaan bahasa yang mengekspresikan emosi secara negatif. Berdasarkan Manual Diagnostik dan Statistik Kecelaruhan Mental versi ke-5 (DSM-5), kemurungan merangkumi kehadiran emosi yang sedih, kosong atau mudah tersinggung disertai dengan perubahan tubuh badan dan kognitif yang secara signifikan mempengaruhi keupayaan individu untuk berfungsi



(American Psychiatric Association, DSM-5 Task Force, 2013). DSM-5 turut menjelaskan bahawa gangguan kemurungan major sebagai satu keadaan klasik, iaitu berlakunya perubahan emosi dan kehilangan minat pada minggu yang sama dan berturut-turut. Dalam kajian ini, kemurungan dikaji dari aspek bahasa, khususnya bahasa yang disampaikan secara tersirat.

Ortony (2012) menyatakan bahawa manusia sering menggunakan bahasa metaforikal untuk mengekspresikan perasaan atau emosi yang bersifat subjektif. Emosi melibatkan perasaan dan pengalaman psikologi, perlakuan dan kognisi serta konseptualisasi. Hal ini yang dimaksudkan oleh Kövecses (2000):

“...metaphors not only pervades the language people use about the emotions, but also that it is essential to the understanding of most aspect of the conceptualization of emotion and emotional experience”

(Kövecses, 2000, ms. 20)

Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh Kövecses (2000), metafora bukan sahaja dianggap sebagai satu mekanisme kognitif untuk memahami konsep abstrak tetapi boleh mengkonsepsikan emosi dan pengalaman yang berkaitan dengan emosi. Dalam kajian ini, konsep kemurungan dijelaskan berdasarkan perspektif kognitif dan wacana.



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada metafora, iaitu penggunaan kata-kata yang menerbitkan makna yang lain daripada makna tersurat. Dalam kajian ini, penggunaan kata-kata yang mengekspresikan kemurungan menjadi tumpuan. Dengan menggunakan PPM, metafora kemurungan yang diungkapkan oleh pesakit MDD dikenal pasti. Oleh itu, kemurungan yang dikaji dalam kajian ini terbatas dari perspektif bahasa.

Dalam kajian ini, batasan kajian juga tertumpu kepada subjek kajian. Seperti kajian Charteris-Black (2012), seramai 38 orang pesakit MDD bersetuju untuk menjadi responden dalam kajian ini. Semua pesakit didiagnosis secara klinikal oleh pakar psikiatri. Pesakit-pesakit ini dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dalam protokol kajian, iaitu berketurunan Melayu, berusia 18 tahun dan ke atas serta fasih berbahasa Melayu. Kajian ini juga terbatas dengan pesakit luar yang menerima rawatan susulan daripada wad psikiatri dan kesihatan mental di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Kajian ini juga dibataskan kepada kaedah pengumpulan data. Dalam kajian ini, kaedah lapangan seperti temu bual dijalankan di PPUM untuk mendapatkan data. Data temu bual dianggap berpada untuk mengenal pasti metafora kemurungan yang diungkapkan oleh pesakit MDD. Oleh itu, data kualitatif seperti pemerhatian dan analisis dokumen tidak dijalankan dalam kajian ini. Memandangkan kajian ini menggunakan pendekatan data korpus lisan yang dibina sendiri (*DIY corpus*), saiz data korpus yang digunakan dalam kajian ini memadai 65 594 patah perkataan sahaja (lihat 3.7.3). Malah, saiz data korpus ini lebih tinggi daripada kajian Semino (2008) dan Coll-

Florit et al. (2021). Bagi memuat turun baris konkordans, kajian ini juga dibataskan kepada kata nodus yang menunjukkan frekuensi tertinggi dalam senarai kata sahaja (lihat 3.5.5.).

Pengkaji juga membataskan penggunaan teori sebagai landasan kajian. Dalam proses memberi makna atau memahami emosi kemurungan yang berkonsep abstrak, hanya dua jenis item Model Kognitif Unggul (ICM) digunakan dalam kajian ini, iaitu metafora konsepsi dan skema imej. Oleh itu, tiga item lain seperti metonimi, proposisi dan simbolik tidak digunakan dalam kajian ini. Metafora linguistik yang dianalisis berdasarkan perspektif wacana pula dihubungkan kepada lima aspek, iaitu linguistik, fizikal atau pengalaman badaniah, afektif, budaya dan kognitif. Walau bagaimanapun, konteks yang relevan membataskan aspek yang perlu diteliti dalam penginterpretasian

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian metafora dapat membantu ahli linguistik untuk menjelaskan ungkapan bahasa figuratif, tersirat dan implisit. Hal ini demikian kerana usaha menjelaskan makna tersirat memerlukan pendekatan yang efisien dan sistematik (Semino et al, 2016). Oleh hal yang demikian, penginterpretasian makna metafora kemurungan berdasarkan perspektif kognitif dan wacana diharapkan dapat membantu ahli linguistik untuk mengkaji makna yang bersifat kabur dan taksa seperti metafora.



Kajian ini juga memberi sumbangan kepada metodologi linguistik melalui kaedah lapangan dan pangkalan data korpus pengkomputeran. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini dapat membantu pengkaji bahasa untuk melakukan kaedah temu bual secara saintifik dan sistematik terutamanya temu bual yang melibatkan isu sensitif seperti pesakit mental dan kemurungan. Selain itu, analisis terhadap hasil data temu bual yang diekstrakkan ke dalam data korpus juga dapat membantu ahli bahasa untuk melihat pola dan pembahagian makna perkataan sama ada secara tersurat mahupun tersirat.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberi sumbangan dalam bidang lain seperti psikologi, pendidikan dan kaunseling. Malahan, kajian metafora yang merentasi disiplin linguistik seperti bidang psikologi dan kesihatan ini kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji tempatan berbanding dengan pengkaji Barat. Selain mengisi kelompangan, kajian ini dapat membantu ahli psikoterapi dan kaunselor untuk meningkatkan kecekapan komunikasi dalam sesi terapi terutamanya yang melibatkan pesakit mental.

Kajian ini juga dapat membantu orang awam untuk memahami isu kesihatan mental dari perspektif bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa yang kita gunakan adalah berdasarkan pengetahuan dan pengalaman terhadap perkara yang berlaku di sekeliling kita seperti manusia, situasi dan peristiwa (Lakoff & Johnson, 1980).





1.10 Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa metafora mampu mengungkapkan sesuatu walaupun ungkapan tersebut disampaikan secara tersirat. Melalui ungkapan tersirat, dapat diketahui keadaan emosi yang dialami oleh seseorang khususnya emosi kemurungan. Walau bagaimanapun, penginterpretasian makna metafora kemurungan tidak boleh dilakukan secara sewenang-wenangnya atau mengikut gerak hati. Oleh hal yang demikian, pendekatan yang empirikal dan sistematik perlu dilakukan agar metafora kemurungan dapat dikenal pasti berdasarkan PPM dan diinterpretasikan secara efisien berdasarkan perspektif kognitif dan wacana.

Kaedah lapangan dan pendekatan data korpus amat diperlukan dalam kajian linguistik kerana data yang diteliti wujud secara semula jadi, bersifat autentik dan menunjukkan perilaku sebenar bahasa kemurungan. Hal ini menjadikan kajian linguistik benar-benar bersifat empirikal dan saintifik. Bagi membuktikan bahawa kajian metafora kemurungan dalam kalangan pesakit MDD amat signifikan dan relevan mengikut arus perdana, tinjauan literatur perlu dilakukan secara sistematik dalam Bab Dua.

